

# AUTOBIOGRAFI SEBAGI SUMBER PENSEJARAHAN MODEN: PERANAN DAN KETOKOHAN DATO' BENTARA LUAR DALAM SEJARAH DAN PENSEJARAHAN JOHOR MODEN

*A Rahman Tang Abdullah*

*Unit Penyelidikan Etnografi dan Pembangunan*

*Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan*

*Universiti Malaysia Sabah*

*art@ums.edu.my*

## **Abstrak**

Makalah ini membincangkan nilai kesejarahan autobiografi Dato' Bentara Luar Mohammed Salleh bin Perang dalam sejarah dan pensejarahan Johor moden. Secara umumnya, tokoh ini bukan sahaja penting dari aspek sejarah Johor moden itu sendiri, tetapi juga dalam aspek penulisan beliau yang terserlah dalam beberapa penulisan yang bercorak autobiografi. Hasil karya beliau masih boleh digolongkan sebagai karya sastera secara umum walaupun karyanya lebih berbentuk autobiografi. Namun begitu, para sejarawan lebih tertarik oleh nilai sejarahanya kerana mengandungi aspek pensejarahan negeri tersebut. Sehubungan dengan itu, makalah ini berfokus kepada aspek-aspek perbincangan latar belakang atau riwayat hidup beliau, tinjauan tentang karya-karya penulisan beliau yang telah dikumpulkan dalam satu jilid yang berjudul *Tawarikh Dato' Bentara Luar* dan penilaian para sarjana tentang ketokohan beliau sebagai seorang penulis. Bagi tujuan tersebut, makalah ini akan menerapkan aspek filologi dan sejarah secara umum serta memasukkan kajian perbandingan tekstual bagi menguji nilai kesejarahannya.

**Kata kunci:** Mohammed Salleh bin Perang, Dato' Bentara Luar, Johor moden, autobiografi, pensejarahan.

## ***Abstract***

*This article discusses historical value of the autobiography of Dato' Bentara Luar, Mohammed Salleh bin Perang in the history and historiography of modern Johor. Generally, this particular figure is not only crucially important in historical aspect of Johor per se, but also he is also acknowledged due to several of his writings compiled in the form of autobiography. His writings can*

*still be classified as literature although its nature is manifested in the form of autobiography. However, historians are more interested in his writing due to its historical elements as they represent historiography of the state. Thus, this article focuses on his background, observation on his writings compiled as Tawarikh (the Chronicles) of Dato' Bentara Luar and the scholars' views on him as an author. For these purposes, this article incorporates philological and historical aspects as well as comparative textual analysis in order to assess their historical values.*

**Keywords:** Mohammed Salleh bin Perang, Dato' Bentara Luar; Modern Johor; Autobiography, historiography.

## Pengenalan

Salah seorang tokoh pemimpin Johor yang dikaitkan bukan sahaja dari segi kepimpinannya tetapi juga dalam aspek pensejarahan Johor moden ialah Mohammed Salleh bin Perang (1841 – 1915). Kedudukan beliau sebagai salah seorang yang terpenting dalam Kerajaan Johor digambarkan melalui gelaran yang dianugerahkan kepada beliau, iaitu Dato' Bentara Luar. Ketokohnanya dalam aspek sejarah Johor moden adalah bersandarkan fakta sejarah bahawa beliau merupakan seorang pembesar atasan yang berkhidmat di bawah tiga orang pemerintah Johor pada abad ke-19 dan ke-20, iaitu Dato' Temenggung Daeng Ibrahim (1841 – 1862), Temenggung/Maharaja/Sultan Abu Bakar (1862 – 1895) dan Sultan Ibrahim (1895 – 1959).

Pada masa pemerintahan Sultan Abu Bakar, beliau telah dianugerahkan bintang kebesaran iaitu Seri Paduka Mahkota Johor yang membawa kepada pengiktirafan beliau sebagai Dato', yang membawa gelaran Dato' Bentara Luar. Anugerah kebesaran ini merupakan pengiktirafan untuknya berdasarkan sumbangan beliau dalam aspek pembangunan Johor secara keseluruhannya. Aspek pembangunan ini merujuk kepada pembukaan kawasan penanaman gambir dan lada hitam serta pembukaan dan pentadbiran bandar-bandar baharu di Muar dan di Batu Pahat. Oleh hal yang demikian, para sejarawan yang membincangkan sejarah Johor moden telah menempatkan beliau sebagai seorang tokoh yang penting dalam sejarah pembangunan negeri tersebut.

Selain peranan dan ketokohan beliau yang diketahui dalam perspektif sejarah Johor itu sendiri, beliau juga boleh dikaitkan dengan aspek pensejarahan Johor moden. Kepentingan beliau dalam aspek ini adalah berdasarkan tulisan-tulisannya yang mengandungi maklumat sejarah Johor yang bersifat autobiografi. Hal ini demikian kerana dalam aspek penulisan sejarah atau historiografi, penulisan bersifat autobiografi diterima sebagai sumber prima kerana dihasilkan oleh seseorang tokoh yang penting seperti Dato' Bentara Luar Mohamed Salleh bin Perang. Autobiografi beliau menggambarkan sudut pandangan beliau sendiri yang terlibat secara langsung dalam suatu rangkaian peristiwa sejarah.

Oleh itu, makalah ini berfokus kepada aspek-aspek perbincangan tentang ketokohan beliau sebagai pemimpin yang penting dalam sejarah Johor moden, kepentingan beliau dari aspek penulisan sejarah dan kepengarangan. Sehubungan dengan itu, perbincangan ini akan didahului dengan kupasan tentang latar belakang atau riwayat hidup beliau secara sepintas lalu yang merangkumi kehidupan semenjak zaman permulaan sehingga persaraannya daripada kerajaan. Selanjutnya, perbincangan akan dijuruskan kepada karya-karya penulisan beliau yang telah dikumpulkan dalam satu jilid yang berjudul *Tawarikh Dato' Bentara Luar*. Seterusnya, makalah ini akan meninjau penerimaan dan penilaian para sarjana terhadap ketokohan beliau dari sudut penulisan sejarah dan kepengarangan. Akhir sekali, perbincangan ini akan melihat kepentingan penulisan ini dari sudut penulisan sejarah dan filologi yang lebih khusus kepada kajian intertekstualiti.

## **Latar Belakang dan Riwayat Hidup**

Setakat ini, sebahagian besar daripada sumber yang menyatakan latar belakang Dato' Bentara Luar ini diperoleh daripada catatan autobiografi beliau. Autobiografi yang dimaksudkan di sini ialah satu kompilasi yang diketahui umum sekarang sebagai *Tawarikh Dato' Bentara Luar* (Sweeney, 1980: 40).<sup>1</sup> Nama sebenar tokoh ini ialah Mohammed Salleh bin Perang. Autobiografi beliau mencatatkan maklumat tentang jurai keturunan beliau sehingga lima generasi yang terdahulu daripada ayahnya, Perang bin Mohammed Salleh bin Awang bin Lajat bin Abdul Rahim. Salasilah yang dikemukakan dalam *Tawarikh Dato' Bentara Luar* ini menyatakan bahawa keturunan beliau adalah daripada Encik

Lajad bin Abdul Rahim. Lajad bin Abdul Rahim merupakan seorang yang berketurunan Daing Bugis dan berkhidmat sebagai seorang panglima semasa pemerintahan Sultan Abdul Jalil ke-IV yang mangkat pada tahun 1719.<sup>2</sup>

Seterusnya, anak dan cucu Encik Lajat iaitu Encik Awang dan Encik Mohamed Salleh pula mewarisi jawatan panglima tetapi mereka merupakan pengikut kepada keluarga Temenggung Johor, iaitu Temenggung Abdul Rahman yang telah berpindah dari Lingga ke Bulang dan akhirnya menetap di Teluk Belanga, Singapura (Mohammed Said 1940: 5).<sup>3</sup> Oleh hal yang demikian, sebagaimana yang diketahui, dua orang anak Encik Mohamed Salleh bin Awang, iaitu Encik Perang dan Encik Dapat telah berkhidmat sebagai Panglima di bawah Temenggung Daing Ibrahim di Teluk Belanga, Singapura.<sup>4</sup> Sebagaimana yang telah diketahui, Encik Perang merupakan bapa kepada Dato' Bentara Luar.

Berdasarkan salasilah ini juga, Dato' Bentara Luar Mohammed Salleh merupakan anak bongsu kepada Encik Perang. Beliau telah dilahirkan di Teluk Belanga, Singapura pada tahun 1841. Ibu beliau bernama Yang Jaleha. Semasa kecilnya, kehidupan keluarga mereka terlalu sempit kerana bapanya tidak dapat menikmati kesenangan yang boleh diperoleh daripada kedudukannya sebagai panglima kepada Temenggung Daing Ibrahim. Hal ini disebabkan sumber pendapatan Temenggung Ibrahim terhad kepada pembahagian pendapatan elauan bulanan yang dibayar oleh Syarikat Hindia Timur Inggeris kepada Temenggung yang ditinggalkan oleh Temenggung Abdul Rahman. Oleh itu, bapanya bekerja sebagai seorang pengail dan ibunya mengambil upah melukis muka bantal dan muka kasut serta membuat bahan-bahan perhiasan perkahwinan.

Walaupun dihimpit kemiskinan dan kesulitan hidup, keluarga beliau telah menekankan pendidikan agama dan duniaawi yang akan menjadi asas kepada beliau untuk memupuk kemahiran dan bakat dalam penulisan dan pekerjaan. Semasa berumur sepuluh tahun, beliau telah dihantar untuk mempelajari bacaan al-Quran dan ilmu asas agama. Proses pembelajaran ini mengambil masa lebih kurang dua tahun. Kemudian, ketika berumur 12 tahun, beliau telah melanjutkan pelajaran di Sekolah Rev. Keasberry di Bukit Zion. Di sini, beliau belajar membaca dan menulis dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris serta ilmu kira-kira.

Sebagaimana yang telah diketahui, pembelajaran merupakan punca kejayaan dan membuka minda beliau untuk pergi jauh. Disebabkan kepintaran beliau, maka pihak sekolah Rev. Keasberry telah melantik beliau sebagai seorang guru bahasa Melayu. Ketika ini, beliau tinggal di sebuah rumah di Arab Street yang terletak di Kampung Gelam. Namun begitu, beliau terpaksa berhenti daripada jawatan tersebut apabila pertikaian timbul antara Temenggung Ibrahim dengan Sultan Ali pada tahun 1854 – 1855. Persengketaan ini berpunca daripada perebutan kuasa atas negeri Johor yang telah menjadi penting, hasil pembukaan kawasan penanaman lada hitam dan gambir oleh imigran Cina yang berpindah dari Singapura.

Namun begitu, kesukaran yang dihadapi oleh beliau tidak berpanjangan. Kemahiran asas yang kukuh serta pengalaman dalam pengajaran bahasa Melayu yang baik membolehkan beliau diterima berkhidmat sebagai kerani di pejabat Menteri Encik Long pada tahun 1856. Kebolehan beliau telah menarik perhatian Enche' Wan Abu Bakar yang telah mengambil beliau berkhidmat di pejabat Bakal Raja di Teluk Belanga. Peranan beliau semakin penting apabila ditugaskan oleh Enche' Abu Bakar untuk berkhidmat sebagai kerani utama di pusat pentadbiran Temenggung di Iskandar Puteri pada tahun 1858. Ketika itu, beliau telah terlibat secara langsung untuk menguruskan hal surat mesyuarat, mahkamah, polis, menjaga pemajak hasil cандu dan surat sungai yang berkaitan kegiatan pembukaan ladang gambir dan lada hitam di Johor.

Sebagai seorang yang berpandangan jauh, beliau masih terus mempertingkatkan dan menambahkan kemahiran beliau dengan mempelajari bahasa dan tulisan Cina dengan seorang guru Cina bernama Chia Ah Seng pada tahun 1861 – 1863. Pengalaman ini membolehkan beliau bertutur dalam bahasa Teochew dan juga Hokkien (M. A. Fawzi Basri & Hasrom Harun 1978: 71).<sup>5</sup> Kemahiran ini amat penting bagi beliau untuk menguruskan hal ehwal pentadbiran dan hal yang berkaitan masyarakat Cina di Johor ketika itu. Malahan, kewujudan dan kemajuan Johor moden pada pertengahan abad ke-19 berkait rapat dengan kehadiran orang-orang Cina kerana mereka juga merupakan golongan komuniti yang jauh lebih besar berbanding dengan penduduk Melayu sendiri.

Oleh itu, tidak hairanlah kemudiannya pada 9 Disember tahun 1868, beliau telah dilantik sebagai Ketua Polis atau ‘Commissioner’ bagi jajahan Johor oleh Maharaja Abu Bakar. Sebagai seorang pesuruhjaya polis, tugas beliau berkaitan aspek keselamatan negeri. Perlu difahami pada ketika itu, soal keselamatan Johor pada pertengahan kedua abad ke-19 adalah berkait rapat dengan kehadiran orang-orang Cina yang majoritinya terlibat dalam urusan perladangan lada hitam dan gambir. Salah satu isu utama yang mempunyai potensi besar untuk mencetuskan pergaduhan ialah isu sempadan tanah bagi sesuatu kawasan penanaman yang dikenali sebagai Kangkar. Aspek persempadan tanah ini pula memerlukan kemahiran dalam ukur-mengukur yang merupakan aspek utama dalam pentadbiran tanah secara moden.

Selanjutnya, beliau terus meningkatkan kebolehan dan potensi beliau dengan mempelajari ilmu ukur-mengukur atau ‘survey’ bersama-sama Encik Yahya Awal daripada Tuan Langley dan Tuan Major McCallum pada akhir dekad 1860-an dan awal dekad 1870-an. Proses pembelajaran ini dikenali sebagai latihan kerja atau ‘apprentice’ yang merupakan amalan yang menjadi kelaziman di Eropah dan Amerika Utara pada abad ke-18 dan ke-19. Melalui pengalaman ini, beliau telah terlibat dalam pembinaan jalan raya. Namun begitu, natijah yang lebih penting lagi adalah apabila beliau telah melewati kawasan-kawasan sungai, gunung dan hutan Johor sehingga membolehkannya melukis sebuah peta bagi negeri Johor. Kaedah yang digunakan oleh beliau adalah dengan mencantumkan rotan-rotan untuk tujuan mendapatkan ukuran yang tepat bagi tanah sempadan (Lake, 1894: 299). Sumber sejarah mencatatkan bahawa beliau telah dilantik mengetuai Jabatan Ukur (Survey) pada dekad 1880-an apabila jabatan itu dipisahkan daripada Jabatan Tanah dan Ukur yang ditubuhkan pada dekad 1870-an (SSD, 1874: 5 – 7 dan SSD, 1883: 125). Kebolehan khusus dalam bidang juruukur inilah yang membolehkan beliau menguruskan pekerjaan yang melibatkan tugas pembukaan bandar-bandar baharu di Johor, khususnya Bandar Muar dan Bandar Batu Pahat dalam dekad 1880-an dan 1890-an. Tugasan ini berkaitan kemahiran juruukur pembinaan infrastruktur, terutama jalan raya dan bangunan-bangunan baharu di bandar-bandar baharu tersebut. Beliau juga telah dilantik sebagai ‘Councillor Commissioner’ bagi pihak kerajaan Johor dalam urusan penentuan sempadan antara Johor dengan Melaka dan Johol di Negeri Sembilan pada tahun 1889 dan persempadan antara Johor dan Pahang pada tahun 1899.

Atas penglibatannya yang meluas dalam pemerintahan dan pentadbiran Johor, beliau telah muncul sebagai tokoh yang kedua terpenting dalam pentadbiran Kerajaan Johor iaitu selepas jawatan Ketua Menteri semasa pemerintahan Sultan Abu Bakar. Sebagai pengiktirafan kepada jasa dan peranan beliau dalam pembangunan negeri Johor, beliau telah dianugerahi dengan bintang kebesaran Sri Paduka Mahkota Johor dalam satu upacara penyampaian anugerah kebesaran di Istana Besar, Johor Bahru pada bulan Julai 1886. Darjah kebesaran yang dikurniakan kepada beliau ini telah membawa gelaran ‘Datuk Bentara Luar’. Jasa beliau terus dikaitkan dengan sejarah pembangunan daerah Muar dan Batu Pahat pada dekad-dekad 1880-an dan 1890-an. Oleh hal yang demikian, proses pembangunan pesat yang berlaku di kedua-dua daerah tersebut, terutama perkembangan jalan raya di Muar pada awal abad ke-20 telah diiktiraf sebagai legasi daripada usaha yang telah disumbangkan oleh beliau. Pengiktirafan ini dicatatkan oleh Dato’ Mohamed Said bin Haji Sulaiman selaku Setiausaha Sulit kepada Sultan Ibrahim seperti berikut:

“...tetapi bagaimanapun kebagusian yang ada sekarang janganlah lupa iaitu sekaliannya ditaja oleh Allahyarham Dato’ Muhammad Salleh bin Perang (Dato’ Bentara Luar) seorang yang pandai dan bijaksana adalah dengan tuah Johor padahal pelajarannya hanyalah sedikit boleh bertanding dengan orang-orang pandai dalam dunia adanya.”  
(Mohammed Said, 1951: 51)

Kenyataan ini perlu ditegaskan kerana peranan beliau telah berkurangan semasa pemerintahan Sultan Ibrahim pada tahun 1910 – 1912. Pada tarikh 2 Mei 1912 iaitu ketika berumur 71 tahun, beliau telah diberhentikan daripada jawatan kerajaan dengan penceن bulanan sebanyak RM300 sehingga galah beliau meninggal dunia pada 21 Julai 1915.

Sepanjang hayatnya, Dato’ Bentara Luar sebenarnya mempunyai dua orang isteri iaitu Che Gembab binti Hassan dan Che’ Kundur binti Abdul Jamil. Melalui perkahwinan beliau dengan Che Gembab, mereka telah dikurniakan tujuh orang anak, manakala melalui perkahwinan beliau dengan Che’ Kundur, mereka telah memperoleh empat orang anak (Sweeney, 1980: 21). Antara anak beliau, terdapat empat orang yang terlibat secara langsung membantu dalam urusan pentadbiran kerajaan terutama di Muar dan di Batu Pahat pada

dekad 1890-an dan dekad pertama abad ke-20. Mereka ialah Haji Yaakub, Yusuf, Sulaiman dan Abdullah.<sup>6</sup>

## Karya-karya Penulisan

Sebagaimana yang telah disebutkan sebelum ini, ketokohan Dato' Bentara Luar menghasilkan karya penulisan dapat dikesan dalam satu penerbitan yang berjudul *Tawarikh Dato' Bentara Luar*. Buku ini sebenarnya merupakan satu kompilasi riwayat hidup beliau yang telah diusahakan oleh Mohamed bin Haji Alias, iaitu seorang penjawat awam di Johor pada tahun 1928. Tawarikh ini mengandungi tiga bahagian besar, iaitu dimulai dengan kata pengantar oleh penyusunnya. Bahagian yang pertama merupakan ringkasan tawarikh Yang Berhormat Dato' Bentara Luar dari masa lahirnya pada tahun 1841 sehingga hal tarikh beliau meninggal dunia pada tahun 1915. Tulisan tawarikh ini berfokus kepada beberapa perkara penting seperti pembukaan Bandar Muar, Batu Pahat dan Endau, perhubungan beliau dengan Yang Maha Mulia Sultan Abu Bakar dan untung nasib beliau semasa zaman pemerintahan Sultan Ibrahim sehingga hal beliau bersara pada tahun 1912.

Bahagian yang kedua pula mengemukakan salasilah keturunan beliau semenjak keturunan kelima sebelum beliau dari Lajat bin Abdul Rahim sehingga hal kepada keluarga beliau sendiri yang mempunyai 11 orang anak daripada dua orang isteri. Seterusnya, diikuti dengan catatan autobiografi beliau yang terkandung dalam sepucuk surat kepada sahabat beliau iaitu Na Tien Piat, Pengarang akhbar *Pemberita Betawi* pada tahun 1894. Surat ini menceritakan diri beliau semenjak lahir sehingga hal tahun 1879 apabila tercetusnya Perang Jementah di Muar antara pihak Maharaja Abu Bakar dengan pihak yang menyokong Tengku Alam semasa perebutan kuasa di Muar Kesang. Sebenarnya, surat yang dimuatkan dalam kompilasi ini juga boleh diperoleh sebagai satu naskhah yang berasingan serta masih tersimpan di Arkib Negara Malaysia cawangan Johor Baharu.

Berdasarkan surat ini, penceritaan berkenaan kisah hidup beliau merupakan lanjutan daripada keterangan ringkas yang terdapat dalam bahagian yang pertama. Surat ini mengemukakan butiran panjang berkenaan perkara yang sama seperti zaman kecilnya, pendidikannya, jawatan sebagai

guru bahasa Melayu di Sekolah Rev. Keasberry, jawatan sebagai kerani di Singapura dan Johor Baharu sehingga beliau menjawat jawatan Pesuruhjaya Polis serta pengalaman beliau mempelajari bahasa dan tulisan Cina serta ilmu juruukur. Bahagian ini juga mengemukakan peristiwa-peristiwa yang penting seperti hubungan Temenggung Ibrahim dan Sultan Ali, pembukaan negeri Johor, perpindahan pejabat-pejabat kerajaan ke Iskandar Puteri, kemangkatan Temenggung Ibrahim dan digantikan oleh anaknya, Temenggung Seri Maharaja Abu Bakar dan penglibatan Dato' Bentara Luar sendiri dalam Peperangan Jementah.

Bahagian yang ketiga pula merupakan catatan pelayaran beliau mengiringi Maharaja Abu Bakar ke negeri Cina dan Jepun pada tahun 1883. Bahagian ini merupakan satu catatan pelayaran terperinci beliau tentang gambaran yang disaksikan semasa belayar di laut, lawatan ke tempat-tempat dan bangunan-bangunan penting dan bersejarah di Jepun serta pandangan peribadi berkenaan perkara-perkara yang disaksikan semasa upacara rasmi dan majlis keraian yang dihadiri oleh beliau bersama dengan rombongan Maharaja Abu Bakar.

Namun begitu, berdasarkan kata pengantar daripada penyusun *Tawarikh Dato' Bentara Luar* ini, kompilasi ini hanya merupakan satu penggal daripada hasil tulisan Dato' Bentara Luar. Terdapat tiga penggal lagi yang masih belum diterbitkan iaitu tentang perselisihan sempadan negeri Johor dengan Melaka, Johol dan Pahang, teka-teki yang masyhur di alam Melayu, serta catatan tentang kesukaan, kebolehan dan kepintaran beliau. Hal ini disebabkan penyusun tawarikh ini telah diberi amaran oleh Encik Abu Bakar Buang selaku pegawai polis Johor pada ketika itu ekoran terdapatnya beberapa perkara yang agak kontroversi yang terdapat dalam bahagian pertama, terutama yang melibatkan hubungan Dato' Bentara Luar dengan Sultan Ibrahim.

## **Pandangan dan Penilaian Sarjana**

Setakat ini, penulisan yang dihasilkan oleh *Tawarikh Dato' Bentara Luar* ini telah mendapat perhatian dan dijadikan kajian oleh beberapa orang penulis dan sarjana. Individu pertama yang memberi perhatian kepada penulisan beliau ialah penyusun *Tawarikh Dato' Bentara Luar* sendiri iaitu Mohamed bin

Haji Alias. Beliau telah memuatkan kata pengantar pada permulaan tawarikh ini. Sebagai langkah permulaan, usaha yang dilakukan oleh Mohamed Haji Alias amat penting kerana beliau telah berusaha untuk mencetak manuskrip penulisan Dato' Bentara Luar yang pada asalnya merupakan hasil tulisan tangan dan tidak dikumpulkan dalam satu kompilasi yang khusus. Berpandukan pendapat Mohamed Haji Alias, keistimewaan tawarikh ini terletak pada nilai sejarah dan bahasa yang digunakan oleh pengarangnya. Hal ini dapat diperhatikan dalam petikan ini:

“Maka sungguhpun penggal yang pertama ini sedikit helainya dan tiada panjang cereteranya tetapi selain daripada beberapa peringatan yang terjumliah kepada tarikh itu boleh juga didapati di dalamnya beberapa perkataan tua2, perenggan-kata molek2, dan susun kata Melayu yang lemak manis yang boleh menjadi tauladan bagi mereka yang memperindahkannya dan memperhargakan bahasanya itu bagi membaiki lidah pertuturan dan kata pepatah serta leter telatah Melayu jati - pendeknya sukarlah pengarang2 atau penulis2 Melayu yang di dalam zaman yang telah berkacukan bahasa seperti keadaan kita sekarang ini dapat mengatur percakapan Melayu seperti yang ternyata di dalam kitab ini - bahkan seyogianyalah anak2 Melayu yang kasihkan bangsanya itu memelihara dan menghidupkan bahasanya. Bahwasanya bahasa Melayu itu ialah seelok2 bahasa yang dipertuturkan dan sangat berguna di seluruh ’alam Jawi adanya.”

(Sweeney, 1980: 12)

Oleh itu, perlu ditegaskan bahawa keistimewaan dan keindahan bahasa yang terdapat dalam karya penulisan ini masih belum mendapat perhatian yang sewajarnya daripada para pengkaji bahasa dan sastera. Hal ini boleh dijangka kerana tujuan utama penulisnya adalah untuk menulis autobiografi dan bukannya karya sastera yang khusus. Sehubungan dengan itu, unsur bahasanya dianggap sebagai unsur sekunder. Malahan, gambaran sebenar kredibiliti Dato' Bentara Luar dari sudut kepenggarangan dan bahasa mungkin akan lebih terserlah sekiranya dua penggal berkenaan teka-teki yang masyhur dalam alam Melayu, serta catatan tentang kesukaan, kebolehan dan kepintaran beliau dapat ditemukan dan diterbitkan serta dapat dijadikan bahan kajian ilmiah.

Namun begitu, usaha yang dilakukan oleh Mohamed bin Haji Alias ini setidak-tidaknya telah merintis kepada pengkajian yang lebih ekstensif

terhadap hasil penulisan Dato' Bentara Luar. Namun begitu, sebelum naskhah ini diterbitkan pada tahun 1928, mungkin naskhah ini telah dijadikan bahan rujukan oleh Mohamed Said bin Haji Sulaiman. Hal ini dapat disaksikan berdasarkan kenyataan Dato' Bentara Luar bahawa keberangkatan Maharaja Abu Bakar dari Johor ke England bermula pada 24 Mei 1885 (Sweeney, 1980: 17). Mohamed Said bin Haji Sulaiman dalam bukunya telah menerima fakta tersebut apabila beliau juga mencatatkan butiran yang sama (Mohammed Said, 1940: 51).

Oleh hal yang demikian, naskhah *Tawarikh Dato' Bentara Luar* ini kemudiannya telah dijadikan bahan rujukan dalam penulisan sejarah Johor moden. Penulis yang pertama merujuk naskhah ini secara ekstensif ialah Dato' Abdullah bin Muhammad yang telah berkhidmat sebagai Setiausaha Sulit kepada Sultan Ismail dan Sultan Iskandar dari tahun 1960-an sehingga tahun 2000. Dato' Abdullah bin Muhammad telah memberi tumpuan kepada lawatan Maharaja Abu Bakar ke Asia Timur pada tahun 1883 (Abdullah, 1971: 1 – 7). Berdasarkan penulisan ini, Dato' Abdullah hanya merujuk secara terus kepada bahagian ketiga *Tawarikh Dato' Bentara Luar* yang mengandungi perkara yang sama. Hal ini menunjukkan bahawa Dato' Abdullah memperakukan bahawa segala butiran yang dicatatkan oleh Dato' Bentara Luar adalah benar tanpa memerlukan sebarang semakan yang lebih terperinci. Sikap dan pendekatan yang diamalkan oleh Dato' Abdullah ini mempunyai kredibilitinya yang tersendiri pada ketika itu terutama pada dekad 1970-an. Hal ini disebabkan para sejarawan tempatan secara umum memperakui bahawa terdapat tuntutan untuk menggunakan sumber-sumber tempatan terutama naskhah Jawi dalam penulisan sejarah negara yang sebelum itu terlalu bergantung kepada sumber-sumber sejarah yang kebanyakannya ditulis dalam bahasa Inggeris.

Lantaran itu, fenomena ini telah berterusan pada dekad 1970-an dan 1980-an. Sejarawan pertama yang memperakukan kewibawaan sumber-sumber tempatan dalam penulisan sejarah negara ialah Ahmad Fawzi Mohammed Basri yang telah menumpukan perhatiannya kepada sejarah Johor moden. Beliau juga mengakui kewibawaan *Tawarikh Dato' Bentara Luar* apabila beliau menulis tentang perkembangan sejarah pemodenan negeri Johor. Oleh itu, tidak hairanlah bahawa beliau telah memberi penghargaan

yang tinggi kepada Dato' Bentara Luar sebagai individu yang terpenting dalam proses pemodenan Johor pada abad ke-19 (M. A. Fawzi Basri & Hasrom Harun, 1978: 72 – 81).

Malah, beliau telah menyarankan bahawa peranan Dato' Bentara Luar sebenarnya adalah lebih penting daripada Sultan Abu Bakar sendiri dalam perkembangan, pembangunan dan pemodenan negeri Johor pada akhir abad ke-19. Pendapat beliau banyak dipengaruhi oleh catatan yang terdapat pada bahagian pertama dan kedua dalam *Tawarikh Dato' Bentara Luar*. Tujuan beliau adalah untuk memberi dimensi baharu dalam proses pemahaman dan penulisan sejarah serta tidak hanya berfokus kepada raja dan pegawai atasan pentadbiran kolonial British. Pendapat ini juga dipersetujui oleh Abdul Malek Munip yang juga mempunyai kecenderungan yang sama untuk memberi perhatian yang lebih kepada tokoh sebenar yang memajukan Johor moden seperti Dato' Bentara Luar (Abdul Malek Munip, 1977: 7).

Sementara itu, sarjana pertama dalam kalangan sejarawan Barat yang merujuk *Tawarikh Dato' Bentara Luar* secara ekstensif ialah C. A. Trocki. Beliau juga telah merujuk fakta tentang pembangunan Johor moden pada dekad 1850-an dengan berpandukan bahagian pertama dan kedua dalam tawarikh tersebut. Beliau telah merujuk secara eksklusif kepada fakta berkenaan pembukaan pusat pentadbiran Temenggung Daeng Ibrahim di Iskandar Puteri yang ditubuhkan selepas tahun 1855 (Trocki, 1979: 108 – 117). Dalam konteks ini, Trocki juga telah menerima karya ini sebagai rujukan atas sebagaimana yang dilakukan oleh sejarawan Melayu pada ketika itu.

Seterusnya, *Tawarikh Dato' Bentara Luar* ini telah mendapat perhatian yang mendalam apabila dijadikan bahan kajian utama oleh seorang sarjana filologi. Berpandukan naskhah cetakan Jawi yang diusahakan oleh Mohamed bin Haji Alias, naskhah ini telah ditransliterasi oleh Amin Sweeney pada tahun 1980. Malahan, naskhah transliterasi ini merupakan naskhah teras yang digunakan dalam kertas penyelidikan ini. Keistimewaan yang terdapat dalam naskhah transliterasi yang diselenggarakan oleh Amin Sweeney ini terdapat nota anotasi yang merupakan satu aspek penting dalam kajian filologi. Malahan, beliau telah mengorak langkah yang lebih jauh dengan menterjemahkan naskhah itu ke bahasa Inggeris yang diberi judul '*Reputations*

*Live On: An Early Malay Autobiography.*’ Bahkan, beliau telah menyifatkan karya ini sebagai autobiografi Melayu moden yang pertama, bukannya karya autobiografi yang dihasilkan oleh Abdullah Munsyi sebelum itu. Kenyataan ini dapat dilihat dalam petikan berikut:

*The distinctive feature of Salleh's writing is that he was the first Malay author to prepare his audience for the novel idea of autobiography, so that the postulated reader is one that a Malay is willing to become. In short, although Abdullah's *Hikayat* is the first work containing autobiographical material in Malay, Salleh's writing is the first Malay autobiography* (Sweeney, 1980A: 18).

Kenyataan ini mempunyai kebenarannya kerana Dato' Bentara Luar telah menulis autobiografi yang bercorak catatan diari, terutama pada pengisahan lawatan Maharaja Abu Bakar ke Asia Timur. Namun begitu, Amin Sweeney tidak menggunakan sumber-sumber primer yang ekstensif dalam catatan nota anotasi. Beliau hanya memasukkan nota anotasi yang banyak dalam terjemahan bahasa Inggerisnya. Beliau cuba memasukkan sumber bahasa Jepun ke dalam nota anotasinya tetapi tidak menunjukkan kaitan langsung dengan teks *Tawarikh Dato' Bentara Luar* yang diterjemahkan itu. Kelemahan ini berlaku kerana beliau sebenarnya tidak mempunyai kebolehan literasi dalam bahasa Jepun. Beliau juga tidak menggunakan sumber prima bahasa Melayu dan bahasa Inggeris secara ekstensif sebaliknya hanya bergantung kepada pengetahuan umum atau ‘common sense’ beliau. Hal ini disebabkan beliau tidak berminat untuk mencari sumber-sumber prima berdasarkan kriteria yang diperlukan dalam bidang kajian sejarah.

### ***Tawarikh Dato' Bentara Luar sebagai Sumber Pensejarahan***

Tidak dinafikan bahawa usaha yang dipelopori oleh Amin Sweeney telah menggalakkan para sarjana untuk bersikap lebih kritis dan membina dalam menerapkan *Tawarikh Dato' Bentara Luar* sebagai rujukan asas. Naskhah transliterasi dan terjemahan ini telah merangsang para sejarawan untuk meluaskan skop kajian kepada aspek sejarah yang terkandung dalam *Tawarikh Dato' Bentara Luar*. Dalam konteks pensejarahan, nilai sesbuah hasil penulisan biasanya terletak pada nilai sejarahnya, sama ada sebagai sumber prima atau sumber sekunder.

Dalam hal ini, *Tawarikh Dato' Bentara Luar* yang merupakan autobiografi boleh dianggap sebagai sumber prima dalam sejarah Johor moden. Dalam konteks sumber prima, aspek utama yang perlu diberi perhatian di sini ialah analisis fakta sejarah yang boleh dilakukan melalui proses penerapan nota anotasi. Selain itu, sebagai sumber autobiografi, nilai sejarah terletak pada sudut pandangan penulis yang menyaksikan dan mengalami sesuatu peristiwa. Bagi tujuan penilaianya sebagai sumber sekunder pula, aspek yang digunakan ialah aspek intertekstualiti iaitu kajian perbandingan tentang sesuatu perkara yang terdapat dalam dua teks.

## Fakta Sejarah

Kesahihan fakta sejarah merupakan satu perkara asas dalam menentukan kewibawaan sesuatu sumber sejarah. Dalam konteks *Tawarikh Dato' Bentara Luar* ini, fakta sejarah yang paling asas adalah tentang diri beliau sendiri seperti tarikh kelahiran, kisah hidup semasa kecil, kegiatan peribadi dan nama ahli keluarga dan jurai keturunan. Para sejarawan lebih cenderung menerima fakta-fakta peribadi beliau secara langsung kerana sukar untuk melakukan pengesahan ke atasnya berdasarkan kepada sumber-sumber lain yang dapat memberikan maklumat-maklumat yang sama. Sehubungan dengan itu, sukar bagi sejarawan untuk mempertikaikan kenyataan beliau yang pernah menjadi guru bahasa Melayu di Sekolah Rev. Keasberry selama empat bulan ketika beliau berumur 14 tahun. Begitu juga dengan kenyataan beliau sebagai kerani di pejabat Encik Long dan pejabat Enche' Wan Abu Bakar pada tahun 1856 hingga tahun 1858, belajar bahasa serta tulisan Cina pada tahun 1861 hingga tahun 1863 dan pelantikan beliau sebagai ketua polis pada tahun 1868 .

Selain itu, kewibawaan *Tawarikh Dato' Bentara Luar* juga terserlah apabila terdapat maklumat di dalamnya yang boleh diperakukan dengan proses perbandingan sumber-sumber prima yang lain seperti rekod rasmi kerajaan. Hal ini boleh dikesan pada kesahihan fakta yang menunjukkan bahawa beliau ialah orang Melayu pertama yang berjaya melukis peta negeri Johor berdasarkan kemahiran juruukur yang dimiliki oleh beliau. Atas kelebihan itu, maka beliau telah dilantik untuk mengetuai Jabatan Ukur dan terlibat secara langsung dalam kegiatan tersebut bagi membangunkan kawasan-kawasan penanaman lada hitam dan gambir baharu di Muar dan Batu Pahat. Lantaran

itu, kesahihan fakta yang menunjukkan peranan beliau dalam pembangunan Bandar Muar dan Batu Pahat semasa zaman pemerintahan Sultan Abu Bakar tidak boleh dipersoalkan.

Begitu juga dengan kebenaran catatan beliau sendiri berkenaan fakta yang menyatakan bahawa beliau telah mengiringi Maharaja Abu Bakar semasa lawatannya ke Asia Timur pada tahun 1883 sebagaimana yang terdapat dalam bahagian ketiga. Beliau telah mencatatkan secara terperinci tarikh dan waktu peristiwa-peristiwa yang dialami dan berlaku sepanjang tempoh perjalanan rombongan Maharaja Abu Bakar tersebut. Andaian kebenaran ini terbukti apabila terdapat sarjana yang mula menggunakan sumber-sumber bahasa Jepun untuk meneliti kesahihan siri lawatan tersebut. Sebenarnya, siri lawatan Maharaja Abu Bakar ke Jepun telah dilaporkan dalam akhbar harian tempatan ketika itu sebagaimana yang terkandung dalam penulisan Michiko Nakahara (1997) dan Michael Penn (Penn, 2008: 1 – 14). Melalui penelitian kepada kedua-dua penulisan ini, tidak dapat dikesan percanggahan dan perbezaan yang ketara jika dibandingkan dengan fakta berkenaan lawatan Maharaja Abu Bakar ke Jepun. Malah, perkara ini menguatkan kesahihan sesuatu fakta terutama pertemuan Maharaja Abu Bakar dan rombongannya dengan Maharaja Jepun pada 26 Jun 1883.

Namun begitu, hal ini tidak bermakna kesahihan fakta-fakta dalam penulisannya boleh diterima pakai tanpa sebarang pengesahan atau ‘verification.’ Sebagai contoh, fakta yang paling jelas serta menimbulkan keraguan yang boleh dikesan ialah fakta berkenaan guru bahasa Melayu beliau ketika belajar di Sekolah Rev. Keasberry. Beliau mencatatkan bahawa guru berkenaan berketurunan Pulau Pinang, sedangkan yang diketahui bahawa guru yang dimaksudkan ialah Abdullah Munsyi yang berasal dari Melaka. Namun begitu, kesilapan fakta ini tidak begitu serius kerana beliau juga tidak menyatakan nama sebenar guru tersebut. Satu kemungkinan lagi adalah berdasarkan kepada jarak masa yang panjang antara peristiwa itu pada tahun 1853 hingga 1854 dengan masa beliau mencatatkan peristiwa itu pada tahun 1894. Hal ini menunjukkan bahawa beliau hanya bergantung kepada daya ingatan beliau sendiri.

Dato' Bentara Luar juga telah melakukan kesilapan apabila beliau mencatatkan bahawa Bandar Muar telah dirasmikan oleh Sultan Abu Bakar bersama dengan Sultanah Fatimah pada tahun 1887. Fakta ini jelas bercanggah kerana berpandukan fakta sejarah, Bandar Muar telah dirasmikan oleh Maharaja Abu Bakar pada tahun 1884. Ketika itu, Sultan Abu Bakar masih belum lagi memakai gelaran sultan. Oleh hal yang demikian, bandar itu dinamakan Bandar Maharani, iaitu gelaran isteri kepada seorang Maharaja (Abdul Malek Munip, 1984: 23).

Sebagaimana yang telah disentuh secara sepintas lalu sebelum ini, *Tawarikh Dato' Bentara Luar* telah mencatatkan keberangkatan Sultan Abu Bakar ke England pada tahun 1885 bermula pada 24 Mei. Sebenarnya, Maharaja Abu Bakar dan rombongannya telah pun berada di Eropah iaitu Itali pada bulan April 1885. Terdapat bukti yang jelas bahawa Maharaja Abu Bakar telah mengadap Raja Itali dan Pope, iaitu ketua pemimpin Katolik sedunia di Vatican pada 24 April 1885. Rombongan ini kemudian meninggalkan Itali pada malamnya untuk meneruskan perjalanan ke England (Candilio & Bressan, 2000: 43 – 53). Berpandukan maklumat dalam sumber dokumen British, Maharaja Abu Bakar dan rombongannya tiba di London pada bulan Mei dan telah menghadiri satu majlis makan tengah hari yang dianjurkan untuk mereka di Marlborough House, tempat kediaman Prince of Wales (King Edward VII's Diary, 1885: 10 Mei). Namun begitu, kesilapan ini masih dianggap sebagai kesalahan kecil kerana jarak masa yang berbeza hanyalah kurang dari dua bulan. Kewujudan hal yang sedemikian boleh dianggap sebagai kesilapan manusia biasa dan tidak disengajakan.

Sementara itu, apabila para sarjana meneliti penulisan *Tawarikh Dato' Bentara Luar* ini, terdapat juga perkara atau fakta yang menjadi kemasykilan, yang tidak mungkin dapat dijawab. Hal ini terjadi apabila para sarjana memberikan sesuatu isu yang boleh menjadi kontroversi. Di sini, Amin Sweeney menimbulkan persoalan yang berbangkit daripada catatan Dato' Bentara Luar yang menyatakan bahawa Maharaja Abu Bakar telah mengislamkan empat orang remaja perempuan Jepun ketika berada di Kobe pada bulan Ogos (Sweeney, 1980: 64). Amin Sweeney menyatakan bahawa peristiwa pengislaman ini ialah cara yang digunakan oleh Dato' Bentara Luar untuk menghalalkan niat Maharaja Abu Bakar yang ingin menyentuh

perempuan Jepun. Pandangan beliau juga berpandukan satu sumber yang memberitahu bahawa Sultan Abu Bakar pernah melanggani seorang perempuan Jepun daripada seorang Jepun yang memiliki sebuah rumah pelacuran di Singapura pada tahun 1893 (Sweeney, 1980A: 120, fn 86).

Namun begitu, pendapat Amin Sweeney dipertikaikan oleh Michiko Nakahara yang meragui kebenaran sumber yang merujuk kepada kehadiran Sultan Abu Bakar ke rumah pelacuran tersebut (Nakahara, 1997: 10). Secara kebetulan, Michiko Nakahara merupakan individu yang dirujuk oleh Amin Sweeney untuk mendapatkan bahan-bahan berbahasa Jepun dalam proses penerbitannya. Malahan, Michiko Nakahara dalam pembentangan kertas kerjanya telah memberitahu bahawa Amin Sweeney tidak menggunakan bahan-bahan tersebut secara ekstensif. Dalam konteks ini, pendapat Amin Sweeney ini juga boleh dipersoalkan kerana berdasarkan kepada perkara sensasi semata-mata. Sebaliknya, pada masa yang sama, beliau tidak memberi tafsiran kepada satu peristiwa yang sama iaitu Dato' Bentara Luar juga telah menyatakan bahawa semasa rombongan tersebut berada di Shanghai pada 2 Oktober 1883, seorang lelaki Jepun telah diislamkan dan diberi nama Abdul Samad (Sweeney, 1980: 68). Kesimpulannya, semua peristiwa tersebut mungkin merupakan tokok tambah yang dilakukan oleh Dato' Bentara Luar untuk mengagungkan keislaman Maharaja Abu Bakar.

### **Kajian Intertekstualiti antara *Tawarikh Bentara Luar* dan *Hikayat Johor***

Satu lagi aspek yang dapat digunakan untuk menguji kewibawaan *Tawarikh Dato' Bentara Luar* sebagai karya pensejarahan adalah melalui kajian intertekstualiti. Pendekatan ini diterapkan berdasarkan kewujudan sumber pensejarahan sezaman yang juga mempunyai kaitan dengan beberapa peristiwa dan aspek yang sama berkenaan sejarah Johor moden. Dalam konteks ini, dapat dikesan perhubungan antara *Tawarikh Dato' Bentara Luar* dengan *Hikayat Johor* dan *Tawarikh Almarhum Sultan Abu Bakar* yang ditulis oleh Major Mohammed Said bin Sulaiman yang seterusnya akan disebut sebagai *Hikayat Johor*.

Dari segi tekstual, perbandingan antara *Tawarikh Dato' Bentara Luar* dan *Hikayat Johor* boleh dilakukan dengan merujuk kepada tiga

aspek. Pertama, perbezaan kedua-dua karya ini boleh dikesan daripada panjang pendeknya penceritaan sesuatu peristiwa. Dalam konteks ini, karya pensejarahan yang memberi maklumat yang terperinci tentang sesuatu peristiwa selalunya menjadi rujukan asas, sedangkan karya yang memberikan pembentangan sesuatu cerita ataupun peristiwa secara sepintas selalu sahaja dianggap kurang penting. Hal ini dapat dirujuk kepada peristiwa pembukaan Bandar Tanjong Puteri yang kemudian ditukar kepada Johor Bahru (Sweeney, 1980: 35 – 41 dan Mohammed Said, 1940: 10 – 11). Para sejarawan terutama Carl A. Trocki (1979: 109 – 10) lebih cenderung merujuk *Tawarikh Dato' Bentara Luar* kerana butiran yang diberikan lebih panjang dan lebih kompleks berbanding *Hikayat Johor*.

Hal yang sama juga dapat diperhatikan dalam peristiwa lawatan Maharaja Abu Bakar ke Asia Timur pada tahun 1883. Peristiwa ini diceritakan oleh Mohammed Salleh bin Perang secara terperinci, lengkap dengan tarikh, waktu dan tempat sesuatu peristiwa itu berlaku (Sweeney, 1980: 50 – 73 dan Mohamed Said, 1940: 39 – 40). Hal ini disebabkan beliau sendiri mengiringi Maharaja Abu Bakar dalam lawatan tersebut. Oleh itu, seseorang yang ingin menulis tentang lawatan Maharaja Abu Bakar ke Asia Timur akan merujuk kepada *Tawarikh Dato' Bentara Luar*, bukannya *Hikayat Johor*. Hal ini dapat dikesan daripada penulisan Abdullah bin Muhammad yang juga merupakan bekas Setiausaha Kerajaan Johor. Beliau telah menulis tentang lawatan Maharaja Abu Bakar ke Hong Kong, China dan Jepun pada tahun 1883 berdasarkan rujukan eksklusif kepada *Tawarikh Dato' Bentara Luar* (Abdullah, 1971: 1 – 9).

Kedua, dalam konteks masyarakat Melayu pada penghujung abad ke-19, penulisan sejarah masih berpusat kepada peristiwa-peristiwa penting yang berkisar kepada istana dan raja. Oleh itu, jika terdapat sesuatu peristiwa itu walaupun penting, kurang atau tidak akan diberi perhatian oleh penulis istana kerana tiada kaitan langsung dengan baginda. Perkara ini boleh dikesan apabila meneliti *Tawarikh Dato' Bentara Luar* yang menceritakan peristiwa pembukaan Batu Pahat pada dekad 1890-an. Sebaliknya, peristiwa ini tidak disebut langsung dalam *Hikayat Johor* kerana peristiwa ini lebih berkait rapat dengan inisiatif persendirian Dato' Bentara Luar, Mohammed Salleh bin Perang (Sweeney, 1980: 12 – 3). Sesungguhnya, fakta inilah yang merupakan

salah satu sebab para sejarawan cuba mempersoalkan kewajaran secara total Sultan Abu Bakar diberi gelaran Bapa Johor Modern (M. A. Fawzi Basri & Hasrom Harun, 1978: 97 – 101). Perkara ini wajar dibangkitkan kerana pengarang *Hikayat Johor* hanya menyebut tentang sejarah pembukaan Bandar Maharani yang dikemudikan oleh Dato' Bentara Luar kerana Maharaja Abu Bakar bersama dengan isteri baginda hadir semasa upacara pembukaan bandar tersebut (Mohammed Said, 1940: 40). Hal ini menunjukkan bahawa walaupun *Hikayat Johor* dianggap sebagai sumber pensejarahan Johor yang moden, bukan semua peristiwa yang berlaku pada zaman pemerintahan Sultan Abu Bakar dicatatkan di dalamnya.

Ketiga, dalam memanifestasikan motif kedua-dua penulis Johor ini, Dato' Bentara Luar kelihatan lebih realistik jika dibandingkan dengan Mohamed Said Haji Sulaiman. Dapat diperhatikan bahawa motif untuk mempertahankaan kedudukan dan menjaga integriti keluarga kesultanan yang sekarang ini sememangnya merupakan satu faktor propaganda utama adalah lebih eksklusif dalam *Hikayat Johor* jika dibandingkan dengan *Tawarikh Dato' Bentara Luar*. Hal ini adalah kerana penulis *Hikayat Johor* semestinya akan menceritakan apa-apa sahaja yang baik tentang Maharaja/Sultan Abu Bakar dan ayahanda baginda, Temenggung Daeng Ibrahim terutama dalam isu konflik politik mereka dengan Sultan Ali dan keluarganya. *Hikayat Johor* selalunya menggambarkan bahawa Temenggung Ibrahim dan Temenggung Abu Bakar bersifat pemurah dan baik hati kepada Sultan Ali, lebih-lebih lagi dalam perkara bantuan kewangan. *Hikayat Johor* menggambarkan bahawa peristiwa Perjanjian Johor pada tahun 1855 yang memberikan hak kedaulatan Johor kepada keluarga Temenggung Ibrahim adalah daripada kerelaan hati waris Sultan Hussein sendiri tanpa sebarang konflik sebelumnya (Mohammed Said, 1940: 7 – 9).

Sebaliknya, menurut catatan Dato' Mohammed Salleh bin Perang, apabila perjanjian tahun 1855 itu hendak ditandatangani, timbulah perbalahan antara Temenggung Daeng Ibrahim dengan Sultan Ali kerana Temenggung tidak berpuas hati apabila hasil Johor perlu dibahagikan juga kepada Sultan Ali (Sweeney, 1980: 35). Melalui pengamatan sejarah, diketahui bahawa perkara itu telah melalui satu proses konflik politik yang panjang dan Temenggung Ibrahim sendiri sememangnya bercita-cita untuk berkuasa mutlak di Johor.

Beliau telah berusaha untuk membangunkan Johor, terutama dalam perusahaan tanaman gambir dan lada hitam yang menjanjikan pulangan pendapatan yang lumayan kepada sesiapa sahaja yang menjadi pemerintah Johor.

Dalam hal ini, Winstedt memperakui *Tawarikh Dato' Bentara Luar* dengan mengatakan bahawa:

*"On one occasion, he abruptly left Blundell's presence requesting the Governor to convey his wishes through his 18 year old son, Abu Bakar, who showed his mettle by telling the Governor that if he insisted on the Temenggong acknowledging Tengku Ali as Sultan and giving him a share of Johor revenue they could not help themselves but of their own free will, they would not consent, and the youth added pointing to the police sentry, "if Your Honour insisted on making that policeman Sultan we should have to summit..."* (Winstedt, 1992: 107).

Keempat, *Tawarikh Dato' Bentara Luar* berbentuk autobiografi kerana penulisnya lebih menonjolkan dirinya sebagai watak utama. Hal ini menjadikan penulisannya berdasarkan tinjauan peribadi atau *personal observation*. Setidak-tidaknya, penulisan *Tawarikh Dato' Bentara Luar* lebih banyak memberi gambaran di luar lingkungan istana dan perjalanan harian pengurusan kerajaan dan kegiatan pembesarnya. Hal ini seolah-olah cuba merintis kepada penulisan perkara-perkara yang berkaitan masyarakat yang jauh dari istana. Sebaliknya, corak penulisan *Hikayat Johor* adalah berbentuk tawarikh atau 'chronicle.' Paksi penulisannya ialah kisah-kisah yang berkaitan dengan Sultan Abu Bakar dan istana. Oleh itu, *Hikayat Johor* merupakan karya yang menceritakan urusan raja dan kerajaan yang rasmi sahaja di peringkat atasan.

Kewujudan hal sedemikian bukanlah bermakna pengarang *Tawarikh Dato' Bentara Luar* tidak menghormati Sultan Abu Bakar sebagai penaung beliau. Hal ini merupakan perbezaan dari sudut dimensi pengarang pada masa itu. Perkara ini terbukti menerusi ekspresi beliau yang sentiasa mengaitkan diri dan ingatannya kepada Sultan Abu Bakar ketika beliau menjalankan tugasnya jauh dari istana dan ketika Sultan Abu Bakar melawat ke luar negara. Ekspresi ini boleh dilihat daripada petikan berikut, "Sepeninggalan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku ke London fakir tidak berhenti ukur mengukur" (Sweeney, 1980: 9).

Sesungguhnya, keadaan ini juga memberi perspektif yang agak berlainan kepada sesiapa sahaja yang membaca karya-karya yang berbeza serta berkaitan sejarah Johor moden. Inilah bukti yang merintis buah fikiran dan jalan penulis-penulis Melayu kepada penulisan yang moden dan berbeza dengan karya-karya bercorak tawarikh ‘chronicle’ dari sudut sejarah.

Namun begitu, dapat dikesan dua kelebihan *Hikayat Johor* jika dibandingkan dengan *Tawarikh Dato' Bentara Luar*. Pertama, dari segi fakta, kewibawaan *Hikayat Johor* terbukti apabila para sejarawan lebih cenderung menerima tarikh kelahiran Abu Bakar pada 3 Februari 1833 sebagaimana yang tercatat dalam *Hikayat Johor*. Sebenarnya, terdapat percanggahan dalam perkara ini apabila diperhatikan bahawa Mohammed Salleh bin Perang mencatatkan bahawa Enche' Wan Abu Bakar telah mencapai umur 20 tahun pada tahun 1856 (Mohamed Said, 1940: 12 dan Sweeney, 1980: 40). Hal ini memberi saranan bahawa Enche' Wan Abu Bakar mungkin lahir pada tahun 1836. Kesahihan fakta ini sukar dibuktikan kerana ketiadaan sumber-sumber dokumen yang menerangkan perkara ini.

Dalam keadaan sedemikian, pandangan umum lebih cenderung menerima maklumat yang tercatat dalam *Hikayat Johor* kerana pengarangnya ialah Setiausaha Sulit kepada Sultan Ibrahim. Hal ini berdasarkan andaian bahawa beliau telah merujuk sumber-sumber istana yang mungkin tidak diketahui oleh orang luar istana. Asas penerimaan umum juga berdasarkan kedudukan *Hikayat Johor* sebagai sumber istana dan sumber rasmi Kerajaan Johor. Maka, tidak hairanlah para sejarawan terutama Winstedt mencatatkan butiran yang serupa dengan *Hikayat Johor* tetapi tidak dengan secara langsung. Menurut Winstedt, Temenggung Ibrahim mengalami demam panas pada 31 Januari 1862 dan meninggal dua hari kemudiannya. Justeru, pada hari itu iaitu pada hari jadinya yang ke-29, Abu Bakar telah dilantik menjadi Temenggung Johor menggantikan ayahandanya (Winstedt, 1992: 111 – 2).

Percanggahan kedua antara kedua-dua karya ini boleh dikesan pada tarikh majlis penganugerahan darjah kehormatan kepada pembesar-pembesar Johor oleh Sultan Abu Bakar. Menurut *Tawarikh Dato' Bentara Luar*, majlis itu diadakan pada bulan Mac tahun 1886. *Hikayat Johor* pula mencatatkan bahawa majlis ini hanya diadakan pada bulan Julai tahun 1886 setelah majlis

kemahkotaan baginda dijalankan (Sweeney, 1980: 9 dan Mohamed Said, 1940: 41). Dalam hal ini, *Hikayat Johor* boleh dipertanggungjawabkan kebenarannya kerana pada masa itu menunjukkan bahawa pada bulan Mac, Sultan Abu Bakar masih berada di Eropah. Di sini, kesilapan tarikh yang terdapat pada *Tawarikh Dato' Bentara Luar* adalah disebabkan penulisnya lebih bergantung kepada daya ingatannya sendiri sedangkan penulis *Hikayat Johor* tampaknya lebih merujuk kepada sumber-sumber rasmi yang lain. Tambahan pula, *Tawarikh Dato' Bentara Luar* ini ditulis lebih awal daripada *Hikayat Johor*. Keadaan ini menyebabkan Dato' Bentara Luar mungkin tidak dapat membuat semakan penulisannya berdasarkan sumber-sumber semasa, berbanding dengan kelebihan yang dinikmati oleh penulis *Hikayat Johor* yang lebih hampir dengan istana dan pusat pentadbiran di Johor Baharu.

## Rumusan

Berdasarkan keseluruhan perbincangan ini, dapat dirumuskan bahawa Dato' Bentara Luar merupakan seorang yang mendahului zamannya. Sejak kecil lagi, beliau merupakan seorang yang gigih dalam pembelajaran ilmu agama dan duniaawi walaupun dihimpit kemiskinan dan kesulitan hidup. Bermula dengan pendidikan asas, beliau telah diterima menjawat jawatan guru bahasa Melayu dan seterusnya berkhidmat sebagai kerani dalam pentadbiran Temenggung Ibrahim. Namun begitu, beliau terus meluaskan pengetahuan dan mencari pengalaman baharu dengan mempelajari bahasa dan tulisan Cina. Hal ini merupakan suatu perkara yang istimewa dan menunjukkan bahawa beliau berpandangan jauh kerana hal ini jarang-jarang dilakukan oleh orang Melayu pada ketika itu. Kemahiran yang dimiliki semakin bertambah dan dipelbagaikan kerana beliau terus menimba ilmu secara latihan kerja dalam bidang juruukur. Kemahiran inilah yang membawa beliau muncul sebagai seorang yang terbilang pada zamannya kerana beliau merupakan orang Melayu pertama yang berhasil melukis peta negeri Johor. Kemudiannya, beliau merupakan penggerak utama dalam usaha pembukaan bandar-bandar baharu di Muar dan di Batu Pahat.

Selain aspek pembangunan Johor, ketokohan beliau juga dapat dikesan dalam ilmu penulisan yang juga berpunca daripada asas pembelajaran yang kukuh. Beliau telah diiktiraf sebagai pengarang Melayu pertama

yang telah berjaya menghasilkan sebuah karya autobiografi secara moden melalui kompilasi penulisannya yang dikenali umum sebagai *Tawarikh Dato' Bentara Luar*. Karya ini mempunyai nilai sejarah yang tinggi kerana telah dijadikan bahan rujukan utama oleh para sarjana dan sejarawan yang menulis tentang sejarah Johor moden. Salah satu kekuatan karya penulisan ini dapat diperhatikan pada skop penceritaan yang realistik kerana beliau lebih cenderung memberi gambaran peristiwa yang berlaku jauh dari istana. Keadaan ini juga merupakan dimensi baharu dalam penulisan Melayu pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20 yang pada ketika itu masih berkisar kepada lingkungan istana. Dari sudut inilah, maka karya penulisan beliau dianggap sebagai unik dan lebih realistik jika dibandingkan dengan *Hikayat Johor* yang masih berpaksikan raja dan istana.

Namun begitu, kedudukan Dato' Bentara Luar dalam aspek penulisan dianggap kurang penting jika dibandingkan dengan tokoh-tokoh lain seperti Mohamed Ibrahim Munsyi dan Mohamed Said bin Haji Sulaiman. Sebenarnya, dalam konteks ini kepentingan beliau masih belum terserlah kerana terdapat hasil penulisan beliau yang masih belum ditemukan serta diterbitkan untuk dijadikan kajian ilmiah. Hal ini berpunca daripada beberapa perkara kontroversi yang terdapat dalam *Tawarikh Dato' Bentara Luar* yang diterbitkan pada tahun 1928.

## Nota

<sup>1</sup> Seterusnya karya ini hanya akan dirujuk sebagai *Tawarikh Dato' Bentara Luar* dalam teks.

<sup>2</sup> Sultan Abdul Jalil IV ialah anak kepada Bendahara Tun Habib Abdul Majid Johor dan merupakan sultan Johor pertama dari dinasti keturunan bendahara.

<sup>3</sup> Seterusnya, karya ini akan dirujuk sebagai *Hikayat Johor* di dalam teks.

<sup>4</sup> Temenggung Daeng Ibrahim (r. 1825 – 62) ialah anak kedua kepada Temenggung Abdul Rahman Singapura.

<sup>5</sup> Beliau juga belajar bermain alat-alat muzik dan seni budaya Cina.

<sup>6</sup> Encik Sulaiman bin Mohamed Salleh merupakan penyimpan bahan-bahan tulisan yang ditinggalkan oleh Dato' Bentara Luar yang kemudiannya diterbitkan sebagai *Tawarikh Dato' Bentara Luar* oleh Mohamed Haji Elias pada tahun 1928.

## Rujukan

- Abdul Malek Munip. (1977). The pioneers of Modern Johore. *Malaysia in History*, hlm. 1 – 7.
- Abdul Malek Munip. (1984). *Bandar Maharani: Sejarah penubuhannya 1884 – 1920*. Melaka: Jabatan Muzium, Muzium Melaka.
- Abdullah bin Muhammad. (1971). The travels of Abu Bakar, Maharajah of Johor to the Far East. *Malaysia in History*. Jld. 14, hlm. 1 – 9.
- Candilio A. & Bressan L. (2000). Sultan Abu Bakar of Johore's visit to the Italian King and the Pope in 1885. *JMBRAS (Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society)*, Vol. LXIII, Pt 1, hlm. 43 – 53.
- King Edward VII's Diary. (1885). Windsor Royal Archive (WRA), Windsor Castle.
- Lake, H. (April, 1984). Johore. *The Geographical Journal*, Vol. III (4).
- M. A. Fawzi Basri & Hasrom Haron. (1978). *Sejarah Johor Moden 1855 – 1940*. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium, Muzium Negara.
- Mohammed Said bin Sulaiman (Major Dato' Haji). (1940). *Hikayat Johor dan Tawarikh Almarhum Sultan Abu Bakar*. Singapura: Malay Publishing House.
- Mohammed Said bin Sulaiman (Major Dato' Haji). (1951). *Hikayat Johor yang kedua: Tawarikh Yang Maha Mulia Ibrahim Sultan Johor dari Permulaan hingga kedatangan Jepun (1941)*. Johor Bahru: Pejabat Cetak Kerajaan Johor.
- Nakahara, Michiko. (1997). Maharaja Abu Bakar's trip to Meiji Japan in 1883. Kertas kerja yang tidak diterbitkan, dibentangkan di the Department of Southeast Asia, School of Oriental and African Studies, University of London, 13 November 1997.
- Penn, Michael. (September 2008). Malay Muslims in early Meiji Japan. *Shingetsu Electronic Journal of Japanese-Islamic Relations*, Vol. 4, hlm. 1 – 14.
- Singapore and Straits Directory (SSD.) (1874). Singapore: National Library of Singapore, dan SSD. 1883, London: School of Oriental and African Studies (SOAS) Library.
- Sweeney, Amin. (1980a). *Reputations live on: An early Malay autobiography*. Berkeley: University of California Press.
- Sweeney, Amin. (Peny.). (1980). *Tawarikh Dato' Bentara Luar*. Berkeley: University of California Press.
- Trocki, C. A. (1979). *Prince of pirates: The Temenggongs and the development of Johor and Singapore 1784 – 1885*. Singapore: Singapore University Press.
- Winstedt, R. O. (1992). *A history of Johor 1365 – 1941 A. D.* Kuala Lumpur: MBRAS (The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society) reprint no. 6 (edisi terkini).